

21/03/2004

Kerajaan sedia RM200j salur elektrik di Sarawak

SIMUNJAN: Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM200 juta bagi membiayai pembekalan elektrik luar bandar di Sarawak, dalam tempoh dua tahun akan datang.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata ia sebagai usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar yang menjadi tumpuan utama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Sejak Abdullah mengambil alih tempat Tun Dr Mahathir Mohamad, pelbagai usaha dilaksanakannya untuk membangunkan kawasan luar bandar dari segi sistem perhubungan, kemudahan asas dan bidang pendidikan.

"Bagi Abdullah, masyarakat luar bandar tidak patut diketepikan dalam agenda pembangunan kerajaan. Ini juga bagi menawarkan kehidupan lebih sempurna kepada mereka sekeluarga," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat di Dewan Mesra, di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Tugas Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Sri Adenan Satem dan Pengerusi Syarikat Kumpulan Assar, Tan Sri Bujang Nor.

Taib berkata, sebahagian besar dari jumlah keseluruhan itu akan dibelanjakan tahun ini, membabitkan pembekalan elektrik di Kampung Temiang dan Kampung Samalatong di Simunjan.